

lokal

Oleh Rosyahaida Abdullah
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Jumlah pendapatan isi rumah, jenis kenderaan dan saiz kanak-kanak antara persoalan disuarakan rata-rata orang awam ketika ditanya mengenai penguatkuasaan penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak di dalam kenderaan (CRS) bermula Rabu lalu.

Meskipun penguatkuasaan itu hanya membabitkan langkah pendidikan dan pencegahan tanpa pengeluaran saman sekurang-kurangnya untuk tempoh enam bulan pertama tahun ini, pengguna ternyata masih samar-samar mengenai peraturan baru itu yang dianggap tiada garis panduan menyeluruh.

Jurutera perisian, Siang Yeek, 36, berkata, dia dan isteri ada empat CRS dengan dua dipasang di keretanya manakala dua lagi di dalam kenderaan milik pasangannya itu.

"Tetapi, saya sendiri tertanya-tanya, adakah penetapan ketinggian kanak-kanak kurang daripada 135 sentimeter itu sesuai untuk saiz majoriti kanak-kanak di Malaysia yang pada saya pastilah lebih kecil jika dibandingkan dengan saiz kanak-kanak negara luar khususnya barat," katanya yang mempunyai dua anak.

Dia turut melihat penggunaan CRS memberi kesan kepada golongan berkeluarga besar.

"Penguatkuasaan pada peringkat awal pasti menimbulkan isu buat



KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK

Samar-samar pelbagai isu

mereka yang memiliki ramai anak dan pada masa sama tiada kemampuan menukar kenderaan lebih besar," katanya.

Bagi eksekutif swasta, Harith Moklas, 27, meskipun dia sudah mempersiapkan CRS untuk anak sulung sejak isterinya hamil namun dia sedar penguatkuasaan itu akan menjejaskan golongan tertentu.

"Selepas melihat berita membabitkan



YEK

bayi berusia dua hari yang maut dalam kemalangan jalan raya kerana tercampak daripada pangkuan ibunya, kami memang nekad akan guna CRS untuk anak kami.

"Tapi saya percaya, penguatkuasaan ini harus mengambil kira kemampuan semua pihak, saya tidak pasti namun mungkin kerajaan boleh pertimbangkan jumlah pendapatan, jenis kereta dan sebagainya," katanya.



HARITH

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Safe Kids Malaysia, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia, Prof Madya Dr Kulanthayan KC Mani berkata, penggunaan

CRS tidak seharusnya dilihat sebagai peraturan semata-mata, sebaliknya langkah yang boleh mengurangkan risiko kecederaan kepada

bayi dan kanak-kanak sekiranya terbabit dalam nahas jalan raya.

Beliau berkata, apa saja peraturan baru datang dengan cabaran untuk menyesuaikan diri justeru, begitu juga penguatkuasaan CRS yang akan memberi cabaran kepada segelintir pihak pada peringkat awal.

"Apabila ibu bapa percaya CRS membawa kebaikan kepada anak mereka, saya pasti anak yang enggan duduk di dalam CRS pada awalnya lama-kelamaan akan terbiasa juga.

"Kanak-kanak, bayi khususnya, tulang mereka, tisu mereka masih lembut, apabila berlaku kemalangan, mereka tidak tahan dan mereka menerima lebih impak berbanding go-



CRS bukan sekadar peraturan baru tetapi sebagai tanda kita sayangkan anak kita dan inginkan keselamatannya terjaga sepanjang perjalanan"

Dr Kulanthayan

longan dewasa.

"CRS bukan sekadar peraturan baru tetapi sebagai tanda kita sayangkan anak kita dan inginkan keselamatannya terjaga sepanjang perjalanan," katanya.

